

SULIT
2611/2
Pendidikan Seni Visual
Kertas 2
2008
3 Jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN EMPAT

PENDIDIKAN SENI VISUAL

KERTAS 2

SENI HALUS

Tiga Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi 6 soalan*
 2. *Jawab **satu** soalan sahaja*
 3. *Kertas soalan ini hendaklah diberikan kepada calon sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh peperiksaan kertas ini.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

Arahan kepada calon

- (a) Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tulis dengan terang **Nama, Tingkatan, Nombor Kad Pengenalan, Mata Pelajaran, Nombor Soalan** dan sediakan ruang **Markah** mengikut susunan yang ditetapkan di sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda (lihat gambar rajah di bawah).

Sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda.

5CM 	NAMA: _____ TINGKATAN: _____ NO. KAD PENGENALAN: _____ MATA PELAJARAN: _____ NO. SOALAN: _____ MARKAH: _____
	8CM

- (b) Hasil kerja anda hendaklah yang asli.
 (c) Hasil kerja anda itu hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan itu kecuali ruang 5 cm x 8 cm yang ditetapkan.
 (d) Anda tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau syelek pada permukaan hasil kerja yang telah siap.
 (e) Keseluruhan hasil kerja hendaklah diwarnakan.
 (f) Anda bebas menggunakan apa jua teknik menggambar **kecuali** teknik semburan atau "assemblaj". Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna, bahan terbuang yang nipis seperti kulit majalah dan perca kain yang dibawa sendiri.
 (g) Hasil kerja anda itu hendaklah dalam bentuk 2D sahaja.

SENI HALUS

Jawab satu soalan sahaja

1. Sejenis makhluk gergasi yang aneh telah menyerang sebuah bot nelayan di lautan yang bergelora.
Lukiskan aksi cemas tersebut dengan memberi penekanan kepada bentuk, ruang, jalinan dan pergerakan.
2. Anda bersama-sama beberapa orang rakan sedang menyiapkan mural di satu kawasan di sekolah anda. Gambarkan suasana tersebut dari jarak dekat.
3. Di sebuah lebuh raya, kelihatan satu kemalangan yang melibatkan sebuah kereta dan motosikal. gambarkan suasana tersebut dengan memberi penekanan kepada ruang, perspektif dan warna.
4. Di satu sudut bilik tidur, terdapat meja kecil yang di atasnya kelihatan sebotol minyak, bedak dan kotak perhiasan. Berdekatan meja tersebut terdapat lampu tidur. Gambarkan suasana tersebut.
5. Anda berjalan di kawasan yang pelik dan aneh. Seekor naga tiba-tiba muncul dihadapan anda dengan menyalakan api. Gambarkan suasana yang cemas itu dengan menggunakan pespektif yang menarik dan gubahan warna serta jalinan.
6. Di satu kawasan perkampungan nelayan, kelihatan beberapa orang penduduk sedang bersiap untuk pergi menangkap ikan. Gambarkan suasana mereka berkerja dengan memberi penekanan ruang, jalinan dan suasana pagi yang cerah.

SELESAI